*Akademika 96(3), October 2026*
*https://doi.org/10.17576/akad-2026-9603-02*

# Perspektif Mahasiswa Terhadap Prestasi Pentadbiran Kerajaan Negeri di Bawah Pemerintahan Parti Islam Se-Malaysia (PAS)

## *Perspectives of University Students on the Administrative Performance of State Governments Under the Rule of Parti Islam Se-Malaysia (PAS)*

ABDUL MUEIN ABADI, HAZIYAH HUSSIN, MAZLAN IBRAHIM, MUHAMAD ALIHANAFIAH NORASID & MUHAMMAD KHAIRI ABDUL AZIB*

*Received:31-5-2025 / Accepted: 25-7-2026*

ABSTRAK

*Parti Islam Se-Malaysia (PAS) mendapat kepercayaan rakyat untuk mentadbir negeri Kelantan, Kedah, Terengganu dan Perlis dalam Pilihan Raya (PRU) ke-15 menerusi gabungan dalam Perikatan Nasional (PN). Kejayaan ini membawa pelbagai persepsi terhadap keupayaan PAS untuk mentadbir sesebuah negeri. Oleh itu, artikel ini bertujuan menganalisis pandangan golongan mahasiswa terhadap prestasi pentadbiran kerajaan negeri di bawah pemerintahan PAS. Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif melalui pendekatan kajian kes dengan memberi tumpuan terhadap negeri-negeri yang ditadbir oleh PAS. Data diperoleh daripada perbincangan kumpulan fokus melibatkan informan daripada kumpulan mahasiswa. Analisis data dilakukan secara deskriptif bertema dengan menggunakan perisian Atlas.ti 24. Hasil kajian menunjukkan isu utama yang diketengahkan oleh mahasiswa terhadap pentadbiran negeri di bawah PAS melibatkan reputasi pentadbiran kerajaan negeri yang berdaya saing di Kedah dan Terengganu, namun terkebelakang di Kelantan. Pentadbiran PAS dianggap telah mengurangkan pendapatan ekonomi dan menyekat kebebasan sosial menerusi dasar-dasar yang dilaksanakan melibatkan pengharaman arak, judi dan penutupan panggung wayang. PAS juga dianggap tidak relevan mentadbir negeri yang memiliki komposisi rakyat beragama Islam dan bukan Islam yang seimbang kerana masih tidak mampu mengharmonikan antara prinsip pentadbiran Islam dan sensitiviti masyarakat bukan Islam. Implikasi kajian ini adalah PAS perlu berusaha menanggani isu-isu yang berlaku menggunakan pendekatan yang inklusif, meningkatkan keupayaan dalam pentadbiran dan memperkasakan strategi penerangan dengan lebih konkrit bagi mempromosikan keupayaan mereka mentadbir sesebuah negeri justeru dapat memenangi hati para pengundi.*

*Kata kunci: mahasiswa; pentadbiran; kerajaan negeri; masyarakat majmuk; PAS*

ABSTRACT

*Parti Islam Se-Malaysia (PAS) has gained public trust to govern the states of Kelantan, Kedah, Terengganu, and Perlis through its coalition with Perikatan Nasional (PN) in the 15th General Election (GE15). This electoral success has sparked various perceptions regarding PAS's ability to govern a state effectively. Therefore, this article aims to analyze university students' perspectives on the administrative performance of PAS-led state governments. This study adopts a qualitative research design using a case study approach, focusing specifically on PAS. Data were obtained through focus group discussions involving student informants. The data were then analyzed thematically using Atlas.ti 24 software. Findings indicate that the primary concerns raised by students regarding PAS-led state governance revolve around the competitive administrative reputation of Kedah and Terengganu, while Kelantan lags behind. PAS's governance is perceived to have negatively impacted economic income and restricted social freedoms through policies such as the prohibition of alcohol, gambling, and the closure of cinemas. Additionally, PAS is considered unsuitable to govern states with a balanced composition of Muslim and non-Muslim populations, as it struggles to harmonize Islamic administrative principles with the sensitivities of non-Muslim communities. The implications of this study suggest that PAS must address these issues through a more inclusive approach, enhance its administrative capabilities and strengthen its communication strategies to effectively showcase its governance competence and secure electoral support.*

*Keywords: university students; administration; state government; plural society; PAS*

## PENGENALAN

Pilihan Raya Umum (PRU) ke 15 menyaksikan Parti Islam Se-Malaysia (PAS) menerusi Perikatan Nasional (PN) mengekalkan pemerintahan di negeri Kelantan, Kedah, Terengganu dan mendapat kemenangan di Perlis. PAS menerusi gabungan PN berjaya mendapat 43 kerusi daripada 45 kerusi di Kelantan dengan pecahan PAS 40 kerusi dan Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) 3 kerusi. Menyapu bersih semua kerusi di Terengganu dengan pecahan PAS 27 kerusi dan Bersatu 5 kerusi. PN juga mendapat 33 kerusi daripada 36 kerusi di Kedah dengan pecahan PAS 22 kerusi, Bersatu 10 kerusi dan Parti Gerakan Rakyat Malaysia (Gerakan) 1 kerusi. Seterusnya di Perlis, PN memenangi 14 kerusi daripada 15 buah kerusi dengan pecahan PAS 9 kerusi dan Bersatu 5 kerusi (MySPR Semak 2025). Dapatan ini menunjukkan PAS mendominasi di setiap negeri yang dimenangi menerusi kerjasama dalam PN. Negeri-negeri yang ditadbir oleh PAS kini dijenamakan sebagai State Government 4 (SG4) iaitu sebuah kerjasama strategik yang bertujuan memacu pembangunan negeri-negeri di bawah pentadbiran PAS secara lebih tersusun dan menyeluruh (TSIS 2025).

PAS merupakan sebuah parti politik yang berpengalaman dalam menjalinkan kerjasama politik dengan pelbagai parti bagi mencapai matlamat menguasai pentadbiran sesebuah negeri. Meskipun begitu, setiap kerjasama politik yang dibentuk oleh PAS membawa hasil yang berbeza bergantung kepada konteks politik dan strategi yang digunakan (Muhamad Helmy Sabtu et al. 2024). Perjuangan PAS bertunjangkan prinsip-prinsip Islam, namun strateginya sering dipengaruhi oleh pertimbangan pragmatik terutamanya apabila bekerjasama dengan parti yang lebih sekular atau berbilang etnik. Antaranya, PAS pada tahun 1974 menyertai Barisan Nasional (BN) yang dianggotai oleh Malaysian Chinese Association (MCA), Malaysian Indian Congress (MIC) dan pada tahun 2008-2015 menyertai Pakatan Rakyat (PR) yang dianggotai oleh Democratic Action Party (DAP) (Mohd Fadli 2020).

Hasil kerjasama ini memberi kelebihan kepada PAS untuk membuktikan mereka juga meraikan kepelbagaian kaum dan agama (Muhammad Faisal, Nor Syuhada & Zulkefli Aini 2020). Kerjasama ini juga menunjukkan PAS mempunyai kesedaran bahawa mereka tidak mampu untuk memenangi pilihan raya secara bersendirian (Muhamad Nadzri Mohamed Noor 2020). Kerjasama PAS dalam Pakatan Rakyat (PR) pada tahun 2008 membolehkan parti tersebut memperluaskan sokongannya ke luar kubu kuat tradisionalnya terutamanya di kawasan bandar dan kalangan pengundi bukan Melayu. Strategi ini ternyata berhasil kerana pada PRU-12, PAS berjaya memenangi 23 kerusi parlimen dan 83 kerusi DUN berbanding PRU sebelumnya. Kejayaan ini membolehkan PAS menyertai kerajaan negeri campuran di Kedah dan Perak. Pemimpin PAS juga diangkat sebagai Menteri Besar di kedua negeri itu (Norhayati 2008; Muhamad Helmy Sabtu et. al 2024; Junaidi, Nur Ellyanis & Muhammad Hazim 2020; Saiyid Radzuwan 2022).

Siri kemenangan ini membolehkan PAS selangkah memenuhi matlamat penubuhannya untuk menegakkan Negara Islam di Malaysia melalui jalur demokrasi (Zaireeni Azmi 2020; Muhammad Faisal, Nor Syuhada & Zulkefli Aini 2020). Negara Islam yang diperjuangkan PAS merujuk kepada sebuah negara kebajikan berdasarkan prinsip syarak, dipimpin seorang ketua negara yang bertakwa, syariat Islam sebagai pegangan utama dalam pemerintahan dan menjamin kebebasan beragama bukan Islam (Abdul Hadi 2003). PAS berusaha menterjemahkan gagasan Negara Islam ini kepada dasar, strategi, polisi dan pelaksanaan dalam pentadbiran negeri-negeri yang dikuasai mereka (Mujahidul Amin 2022).

Namun, pentadbiran negeri-negeri di bawah PAS masih diselubungi pelbagai persepsi khususnya melibatkan kebolehdayaan perkembangan negeri yang diperintah dari sudut ekonomi, pendidikan dan sosial. Oleh itu, artikel ini bertujuan menganalisis perspektif mahasiswa terhadap prestasi pentadbiran kerajaan negeri di bawah PAS dan kerelevanan pentadbiran parti tersebut mentadbir negeri yang terdiri daripada masyarakat majmuk. Menurut Norshamliza Chamhuri et. al (2019), mahasiswa merupakan golongan yang memiliki kesedaran tinggi terhadap politik sebagaimana era 1960an dan 1970an yang mendorong mereka terlibat dalam politik. Gelombang ini berterusan sehingga hari ini meskipun terbatas dengan kewujudan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (AUKU). Penglibatan mahasiswa dengan politik dapat dilihat melalui penglibatan sebahagian mereka dalam sayap atau organisasi mahasiswa yang berkaitan parti politik seperti Gabungan Mahasiswa Islam Se-Malaysia (PAS), Mahasiswa Keadilan Malaysia (Parti Keadilan Rakyat), DAP Socialist Youth (DAP) dan Pemuda Amanah (Parti Amanah Negara).

## SOROTAN LITERATUR

Muhamad Helmy, Amalin Sabiha & Khairul Azman (2020) mendapati pentadbiran kerajaan negeri di bawah PAS berusaha menerapkan dasar islamisasi yang bersikap konservatif seperti agenda Negara Islam dan perlaksanaan Hudud, namun beralih kepada bersikap prodemokrasi bermula tahun 2008 hingga 2015 dengan dasar Islamisasi Demokrasi dan Negara Berkebajikan. Dasar Islamisasi Demokrasi diperkenalkan untuk mempromosikan imej PAS sebagai sebuah parti Islam yang memperjuangkan demokrasi dan hak asasi manusia. Negara Berkebajikan pula diperkenalkan sebagai satu alternatif model tadbir urus kerajaan yang menepati identiti Islam. Usaha ini mendapat respon balas daripada kerajaan BN yang memperkenalkan dasar Islam Hadhari, prinsip Wasatiyyah dan Indeks Syariah Malaysia. Penawaran dasar Islamisasi oleh kedua-dua parti ini menunjukkan Islam menjadi salah satu indikator penting dalam tadbir urus negara Malaysia. Meskipun begitu, dasar yang diterapkan oleh kedua-dua parti masih dilihat bermatlamat politik untuk memperoleh sokongan masyarakat bagi meneruskan kelangsungan politik.

Mazli Mamat et al. (2023) dan Zulsyazrina Jusoh & Junaidi Awang (2023) menjelaskan Islam sebagai teras perjuangan PAS menjadi faktor pengundi terpikat dengan ideologi parti tersebut termasuklah pengundi yang tinggal di luar negeri. Segmen pengundi dalam kategori ini lebih mementingkan nilai politik Islam berbanding nilai politik pembangunan. Natijahnya, mereka memberikan sokongan setiap kali pilihan raya walaupun negeri-negeri di bawah PAS dianggap ketinggalan terutamanya dalam aspek ekonomi dan pembangunan berbanding negeri-negeri di bawah pentadbiran kerajaan pusat.

Menurut Muhammad Hanif & Amnah Saayah (2022), kejayaan PAS mengukuhkan kuasa di Kelantan dipengaruhi oleh ketokohan Almarhum Tuan Guru Nik Abdul Aziz. Semasa pemerintahan beliau, beberapa reformasi dalam pentadbiran dilakukan seperti menghapuskan amalan memberi hadiah kepada Menteri Besar setiap kali merasmikan sesuatu majlis, pemotongan gaji dan elaun Menteri Besar dan mempraktikkan pendekatan ekonomi yang mengutamakan halal dan haram dengan menghentikan permit perjudian. Pendekatan ini berjaya menarik sokongan daripada masyarakat Islam dan bukan Islam di negeri tersebut.

Sebaliknya, Junaidi Awang, Nur Ellyanis & Muhammad Hazim (2020) mendapati PAS gagal mendapat sokongan yang baik daripada pengundi bukan Islam kerana dilihat terlalu ekstrem dan kurang menekankan kebajikan masyarakat bukan Islam. Dapatan yang hampir sama diperolehi oleh Muhamad Helmy, Amalin Sabiha & Khairul Azman (2020) bahawa Pentadbiran PAS dilihat

ekstrem disebabkan beberapa isu keagamaan seperti isu kafir-mengkafir, sembahyang dua imam dan memulaukan kenduri yang dianjurkan oleh penyokong daripada parti United Malays National Organisation (UMNO).

Kajian Junaidi Awang, Nur Ellyanis & Muhammad Hazim (2020) mendapati pengundi di Wilayah Pantai Barat Semenanjung beranggapan PAS gagal dalam pentadbiran di negeri-negeri dikuasai mereka. Mereka mendapati para pengundi di sana sukar menerima PAS disebabkan ketidakcekapan pemerintahan parti tersebut seperti di Kelantan yang menyaksikan rakyat mereka dibelenggu kemiskinan dan tidak mendapat kemudahan infrastruktur yang baik. Dapatan ini menjelaskan mengapa pengundi tidak yakin dengan keupayaan PAS memerintah negara, sebaliknya PAS hanya dilihat mampu memerintah di peringkat negeri sahaja. Kajian oleh Zulsyazrina Jusoh & Junaidi Awang (2023) mendapati respon pengundi muda di DUN Apam Putra, Rantau Panjang, Kelantan terhadap pentadbiran PAS di sana menunjukkan ketidakpuasan terhadap beberapa isu iaitu aspek jaringan internet, pembangunan pusat perkilangan dan peluang pekerjaan.

Sayyid Radzuwan (2022) mendapati isu utama yang membelenggu rakyat Kelantan adalah air bersih yang menjejaskan penduduk bahkan bangunan penting kerajaan seperti Hospital Raja Perempuan Zainab II sekaligus menjejaskan operasinya. Manakala dalam sektor ekonomi negeri Kelantan, Mazli Mamat et al. (2023), menjelaskan PAS masih tidak mampu memajukan ekonomi negeri walaupun telah lama memerintah dengan bukti ramai rakyat negeri tersebut terpaksa berhijrah ke negeri lain seperti Selangor untuk meningkatkan sosioekonomi keluarga, mencari peluang pekerjaan dan kehidupan yang lebih baik.

Sehubungan itu, Azmil Tayed (2022) menjelaskan PAS berhadapan dasar peminggiran oleh kerajaan persekutuan yang menyebabkan pertumbuhan ekonomi yang perlahan. Peminggiran ini menyebabkan Kelantan tidak berpeluang berkembang pada kadar yang sama seperti negeri-negeri lain sebagaimana negeri-negeri yang diperintah oleh kerajaan BN. Sinario ini mencipta gambaran Kelantan di bawah pemerintahan PAS adalah negeri yang mundur dan ekstrem dalam aspek keagamaan. Meskipun begitu, Kelantan tetap menjadi kubu kuat PAS kerana berjaya mengekalkan daya saing dan relevansi politiknya meskipun berhadapan pelbagai kekurangan. Menurut Sayyid Radzuwan (2021), pentadbiran PAS juga berhadapan halangan menerapkan undang-undang sendiri disebabkan oleh sistem federalisme yang diamalkan memberikan kuasa kepada kerajaan pusat untuk menghalang usaha PAS.

Farah Farhana & Junaidi Awang (2021) menjelaskan PAS berjaya mengekalkan kejayaan di negeri Terengganu pada PRU-15 disebabkan kejayaan memerintah negeri Terengganu dengan menunaikan 85 peratus daripada manifesto yang dijanjikan semasa PRU-14. Siti Ruzana et al. (2020) pula mendapati PAS dapat mewujudkan sistem pentadbiran Islamik di Kelantan justeru menjadi pencetus kepada pembinaan sebuah kerajaan Islam berpandukan al-Quran dan al-Sunnah yang menjadi rujukan negeri lain. Perkara ini dibuktikan menerusi pendekatan dakwah politik PAS yang membawa perubahan corak hidup masyarakat setempat kepada budaya hidup baharu yang menghayati dan mengamalkan cara hidup Islam. Ilyas Abdullah (2022) menjelaskan, PAS mendapat kepercayaan rakyat Terengganu untuk memerintah pada PRU-10 (1999) bukan kerana rakyat menolak pembangunan oleh UMNO-BN, namun pengulangan isu pembangunan dalam pentadbiran UMNO-BN menyebabkan rakyat mulai mentafsirkan pembangunan perlulah disepadukan dengan prinsip keadilan, bukan semata-mata material. Ini menyebabkan sokongan mereka mulai beralih kepada PAS yang dilihat lebih sesuai dengan dasar-dasar Islam.

Siti Aisyah et al. (2022) menjelaskan PAS mempunyai ciri khas yang berkembang menjadi sebuah pertubuhan politico-dakwah yang penting di negara ini menerusi usaha murni menyeru umat manusia kepada syariat Allah SWT melalui dakwah, memupuk ukhuwah Islamiyah dan menyuburkan rasa perpaduan dalam kalangan rakyat. Farah Farhana & Junaidi Awang (2021) menjelaskan rakyat masih yakin terhadap PAS kerana mereka memperjuangkan Islam dan Melayu serta tidak terlibat dengan kes rasuah dan penyelewengan. Menurut Saiyid Radzuwan (2021), pentadbiran PAS seperti di Kelantan menguasai surau, masjid dan pentadbiran negeri yang menjadi platform kepada mereka untuk menyebarkan propaganda, manifesto atau maklumat mengenai perkembangan parti mereka. Situasi ini menjadi halangan kepada parti lain meluaskan pengaruh di negeri tersebut.

Kajian lepas ini memperlihatkan prestasi pentadbiran kerajaan negeri-negeri di bawah pentadbiran PAS yang pelbagai sama ada berunsur positif mahupun negatif. Ia berlandaskan faktor-faktor utama seperti prestasi ekonomi dan pembangunan, keupayaan tadbir urus, penyampaian perkhidmatan awam, pemenuhan manifesto, kebajikan rakyat serta persepsi masyarakat terhadap keupayaan PAS sebagai sebuah parti pemerintah. Dari perspektif negatif, beberapa kajian mendapati pentadbiran PAS dianggap ketinggalan dalam aspek ekonomi dan pembangunan, kurang memberi perhatian kepada kebajikan masyarakat bukan Islam serta dikritik disebabkan isu penyampaian perkhidmatan awam seperti bekalan air bersih di Kelantan. Terdapat juga kajian mendapati pengundi masih meragui keupayaan PAS untuk mentadbir di peringkat Persekutuan dan beranggapan parti tersebut lebih sesuai mentadbir di peringkat negeri. Sebaliknya, dari perspektif positif, beberapa kajian melaporkan bahawa kelemahan pentadbiran terdahulu, khususnya pengulangan isu pembangunan di bawah UMNO-BN di Terengganu, telah meningkatkan sokongan rakyat terhadap PAS. Di samping itu, kejayaan pentadbiran PAS di Terengganu yang berjaya melaksanakan 85 peratus daripada manifesto Pilihan Raya Umum Ke-14 turut dikenal pasti sebagai antara faktor yang menyumbang kepada peningkatan sokongan rakyat dalam Pilihan Raya Umum Ke-15.

## METODOLOGI

Kajian ini dijalankan menggunakan reka bentuk kualitatif dengan pendekatan kajian kes. Pendekatan ini membolehkan data kajian difahami secara mendalam dan terperinci, serta membantu mengenal pasti tema dalam data yang dikaji dan kesesuaiannya dengan pelbagai sumber data (Rashidi et al. 2014). Data dikumpulkan melalui temu bual kumpulan fokus (*Focus Group Discussion*, FGD) terhadap lapan orang mahasiswa meliputi empat orang muslim dan empat orang bukan Islam. Mereka merupakan mahasiswa daripada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM). Kajian ini telah melibatkan dua sesi FGD dengan setiap sesi disertai empat orang peserta. Bilangan empat orang peserta bagi setiap kumpulan merupakan jumlah minimum yang disarankan dalam pelaksanaan FGD (David L. Morgan 1996; Sirwan Khalid Ahmed 2025). Kaedah ini dipilih kerana ia membolehkan interaksi antara peserta secara terbuka berdasarkan maklum balas antara satu sama lain. Kaedah ini menghasilkan data yang lebih kaya, mendalam dan semula jadi, di samping membantu mengenal pasti tema kajian melalui perbincangan kumpulan dalam tempoh masa yang lebih efisien (Musaiyadah Ahmadun & Siti Arni Basir 2024; Md. Saiful Alam, Adelina Asmawi & Sayeda Fatema 2025).

Pemilihan mahasiswa sebagai peserta kajian adalah berdasarkan teknik persampelan bertujuan (*purposive sampling*) yang ditentukan mengikut kesesuaian objektif kajian (Ahmad Sunawari Long 2014). Dalam konteks ini, peserta yang dipilih terdiri daripada mahasiswa iaitu mereka yang masih mendaftar sebagai pelajar di Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Golongan mahasiswa dipilih kerana merupakan golongan yang memiliki kesedaran tinggi terhadap isu-isu berkaitan masyarakat termasuk isu politik yang melatari perkembangan negara (Ahmad Hidayah & Che Rohaizan 2017). Kriteria seterusnya ialah peserta yang dipilih bukan ahli atau penyokong PAS bagi memastikan dapatan kajian yang diperoleh lebih neutral, seimbang dan tidak dipengaruhi oleh mana-mana kecenderungan politik. Pematuhan terhadap kriteria ini disahkan semasa proses saringan peserta sebelum pelaksanaan FGD melalui soal selidik ringkas berkaitan latar belakang politik mereka.

Kedua sesi FGD yang dijalankan telah direkodkan dan ditranskripsi secara verbatim dengan dapatan disampaikan melalui naratif deskriptif. Identiti semua peserta kajian telah dianonimkan bagi memastikan kerahsiaan informan. Langkah ini amat penting dalam menjaga integriti dan mematuhi etika penyelidikan, terutamanya apabila kajian melibatkan isu-isu sensitif. Penganoniman juga membantu membina kepercayaan peserta untuk berkongsi pandangan secara jujur dan terbuka tanpa kebimbangan tentang implikasi peribadi. Latar belakang setiap peserta kajian (PK) dinyatakan sebagaimana jadual di bawah:

JADUAL 1. Latar belakang peserta kajian muslim

| **Peserta kajian (PK)** | **Bidang pengajian** | **Bangsa** | **Negeri** | **Jantina** | **Umur** |
|---|---|---|---|---|---|
| PK1 | Undang-undang | Melayu | Melaka | Lelaki | 24 |
| PK2 | Ekonomi dan Pengurusan | Melayu | Perak | Lelaki | 23 |
| PK3 | Psikologi | Melayu | Kuala Lumpur | Lelaki | 23 |
| PK4 | Pendidikan | Melayu | Perak | Lelaki | 23 |

JADUAL 2. Latar belakang peserta kajian bukan Islam

| **Peserta kajian (PK)** | **Bidang pengajian** | **Bangsa** | **Negeri** | **Jantina** | **Umur** |
|---|---|---|---|---|---|
| PK5 | Undang-undang | Cina | Johor | Lelaki | 21 |
| PK6 | Sains Sel Molekul | Iban | Sarawak | Perempuan | 22 |
| PK7 | Sains Sel Molekul | Cina | Selangor | Perempuan | 21 |
| PK8 | Sains Sel Molekul | Cina | Johor | Perempuan | 23 |

Data kajian ini dianalisis menerusi kaedah analisis tematik menggunakan perisian Altas.ti 24. Analisis tematik merupakan kaedah untuk mengenalpasti, menganalisis dan melaporkan tema berdasarkan set data yang dikumpulkan (Braun & Clarke 2006). Kaedah ini secara asasnya membantu pengkaji mengatur dan menerangkan set data secara terperinci.

## DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Kajian ini memberi fokus kepada pandangan mahasiswa terhadap prestasi pentadbiran kerajaan negeri yang ditadbir oleh PAS melibatkan beberapa isu utama yang dikenalpasti iaitu reputasi kerajaan negeri, merencatkan perkembangan ekonomi, sekatan pentadbiran PAS terhadap kebebasan sosial dan kerelevanan pemerintahan PAS dalam masyarakat majmuk.

## REPUTASI PENTADBIRAN NEGERI

Hasil kajian mendapati persepsi peserta kajian terhadap reputasi pentadbiran PAS di negeri-negeri yang ditadbir mereka dapat ditinjau dari dua sudut. Dari sudut positif, aspek yang diketengahkan melibatkan kejayaan pentadbiran PAS dalam aspek ekonomi, kebajikan rakyat, penunaian janji manifesto dan ketelusan pentadbiran terutama di negeri Kedah dan Terengganu. Perkara ini dinyatakan oleh PK2 dan PK3. Seterusnya, sudut negatif tertumpu kepada pentadbiran di negeri Kelantan yang dikritik kerana tidak kompeten dalam menangani isu-isu asas seperti bekalan air bersih yang diketengahkan oleh PK1, PK2 dan PK7.

Dalam konteks positif, PK2 mengemukakan tiga pandangan yang bersifat ekonomi, kebajikan dan keupayaan menunaikan janji sebagaimana berikut:

> Memang kat situ di mana MB Sanusi ni juga bagus daripada segi pelaburan yang mana meningkat. Pelaburan Kedah, dia jaga dengan baiklah .
>
> (PK2; lelaki; 23 tahun; 2024)

> Kita lihat di Terengganu, sebab saya dulu UniSZA. Saya ambil pengajian Islam, Fakulti Kontemporari Islam. Lepas itu, memang kalau PAS ni memang baguslah, memang respect. Apa kalau kita minta bantuan semua memang kita akan dapat dan memang dia antara yang supportive.
>
> (PK2; lelaki; 23 tahun; 2024)

> Tapi manifesto tu terlaksana dekat Terengganu. Memang tak dinafikan lah. Dia bukan sekali gelombang. Tapi kalau kita lihat manifesto ni, mana lesen free, lepas tu pendidikan untuk anak-anak negeri Terengganu. Dan anak Terengganu ni memang dia cukup menjaga.
>
> (PK2; lelaki; 23 tahun; 2024)

Pandangan pertama merujuk kepada kejayaan PAS mentadbir negeri Kedah kerana berupaya menarik pelabur daripada luar negara. Kejayaan ini membuktikan keupayaan pentadbiran PAS dalam sektor ekonomi. Negeri Kedah mencatatkan jumlah pelaburan sebanyak RM45.8 bilion bagi tahun 2024 dengan RM44.1 bilion daripada sektor pembuatan. Perkara ini menjadikan negeri Kedah sebagai negeri nombor empat tertinggi dalam senarai pelaburan di Malaysia dan nombor satu dalam sektor pembuatan di negara ini (Farah 2024).

Dari sudut kebajikan, PK2 menjelaskan pentadbiran PAS di Terengganu berupaya menjaga kebajikan rakyat dengan memberikan pelbagai bantuan serta menunaikan janji manifesto semasa PRU-14. Bahkan kejayaan pentadbiran PAS di negeri Terengganu menunaikan semua 20 manifesto semasa PRU14 menjadi faktor utama kemenangan besar PAS-PN dalam Pilihan Raya Negeri (PRN). Antaranya, mengembalikan tanah yang dirampas kerajaan terdahulu, peruntukan caj wad kelas tiga secara percuma di semua hospital kerajaan, bantuan RM300 untuk mendapatkan lesen, menyediakan 20 ribu peluang pekerjaan, mengurniakan pencen rakyat sebanyak RM50 dan mewujudkan tabung siswa pelajar sebanyak RM5 juta setahun (TRDI 2023).

Selain itu, PK2 memuji pentadbiran Terengganu kerana menjaga kebajikan rakyat terutama dalam sektor pendidikan. Bantuan kewangan dan sokongan sosial yang diberikan kepada rakyat membuktikan komitmen kerajaan negeri terhadap keperluan rakyat. Perkara ini membuktikan sokongan rakyat Terengganu terhadap parti PAS dalam PRN bukan semata-mata dilandasi faktor emosi, tetapi kepercayaan terhadap pelaksanaan polisi yang dijanjikan. Inilah hasil politik berlandaskan nilai-nilai Islam yang menekankan dosa pahala dalam setiap tindakan (Mazli Mamat et al. 2023; Zulsyazrina Jusoh & Junaidi Awang 2023).

PK3 pula memuji kerajaan negeri Terengganu yang lebih telus dalam pentadbirannya sebagaimana berikut:

> Ada satu kajian yang boleh membuktikanlah. Mungkin Terengganu ni bukan sebab soal identiti Melayu-Muslim yang mana budget transparency yang paling tinggi adalah di Terengganu sebenarnya. Saya terkejut sahaja bila tengok kajian daripada IDEAS, Institute for Democracy and Economic Affairs menunjukkan bahawa transparency ketelusan lebih tinggi di Terengganu berbanding negeri-negeri lain. Bukan negeri Penang, bukan negeri Kedah, (tapi) Terengganu. Selangor actually one of the lowest. Mungkin kat situ, it breaks the myth that, "Oh PAS ni it's not just all about Melayu Muslim dan also about how they administered"
>
> (PK3; lelaki; 23 tahun; 2024)

Pentadbiran kerajaan negeri Terengganu mencatatkan kedudukan tertinggi menerusi kajian oleh Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS) yang mengatasi ketelusan di negeri-negeri lain. Kedudukan ini diperolehi daripada Indeks Bajet Terbuka Malaysia (MyOBI) yang dilancarkan oleh IDEAS untuk menilai tahap ketelusan bajet kerajaan negeri di Malaysia mengikut piawaian yang ditetapkan dalam Open Budget Survey (OBS), iaitu satu penilaian antarabangsa berasaskan fakta untuk mengukur ketelusan bajet (Sri Murniati, Alissa Marianne & Muhammad Arieff 2022). Prestasi ini turut dikekalkan pada tahun 2024 sekaligus membuktikan tatakelola kewangan yang baik di negeri tersebut yang menjadi asas kepada kepercayaan rakyat dan pelabur (Nischal Ranjinth & Alissa Marianne 2024).

Ironinya, persepsi negatif terhadap reputasi pentadbiran negeri di bawah PAS berfokus di negeri Kelantan sebagaimana dikemukakan oleh PK1, PK2 dan PK7. Mereka berpandangan pentadbiran PAS di negeri itu tidak kompeten kerana tidak dapat menyelesaikan masalah rakyat berfokus kepada isu bekalan air bersih sebagaimana berikut:

> Negeri Kelantan maju terkehadapan? Tak. Itu masih lagi boleh kata diperbahaskan lagi lah. Macam-macam isu pula, air dan sebagainya, kebersihan lagi.
>
> (PK1; lelaki, 24 tahun; 2024)

> Tapi kita berbalik pada negeri Kelantan yang mana isu yang tidak dapat diselesaikan lagi. Yang mana kalau kita tahu isu air menyebabkan orang kata PAS kat situ. Pandangan jadi buruk kat sana.
>
> (PK2 lelaki; 23 tahun; 2024)
>
> Dari segi sosial, dari segi politik, saya rasa PAS tak cukup kompetan kerana kalau tidak ada silap, isu air, pembekalan air bersih di Kelantan masih berkekalan walaupun mereka dah memerintahkan Kelantan selama dua dekad. Dan waktu itu, saya ingat tahun ini ke tahun lepas, kalau saya ingat... pernah ikuti isu ini tetapi jawapan yang diberi oleh pemerintah PAS, "rakyat Kelantan boleh hidup dengan biasa dengan adanya air yang kotor tu".
>
> (PK7; perempuan; 21 tahun; 2024)

Menurut mereka, masalah bekalan air bersih yang belum selesai di Kelantan menyebabkan negeri tersebut dianggap mundur. Perkara ini menjadi modal politik buat seteru mereka merendah-rendahkan keupayaan pentadbiran PAS di peringkat negeri. Masalah air telah berlarutan lebih daripada dua dekad pemerintahan PAS di Kelantan menyebabkan ia dilihat sebagai kelemahan yang serius. Respon pihak kerajaan negeri terhadap isu tersebut pula dianggap tidak memadai. Menurut PK7, kenyataan seperti "rakyat Kelantan boleh hidup dengan air kotor" mencerminkan kelemahan pentadbiran dalam memenuhi keperluan rakyat. Menurut Azmil Tayed (2022), perkembangan kemudahan yang perlahan di negeri Kelantan berlaku disebabkan PAS berhadapan dasar peminggiran yang menyebabkan negeri itu tidak berpeluang berkembang sama seperti negeri lain yang diperintah oleh kerajaan pusat.

Bekalan air bersih yang kerap terputus di negeri Kelantan berpunca daripada 43 loji rawatan air yang sedia ada sudah tidak mampu menampung penggunaan seharian rakyat (Sayyid Radzuwan 2022). Isu tersebut akan diselesaikan oleh kerajaan negeri dengan penambahan 11 lagi loji rawatan air yang akan disiapkan pada tahun 2028. Kerajaan negeri juga mencari alternatif dengan menyediakan peruntukan RM2 juta untuk membina telaga tiub di kawasan pinggiran sementara menunggu kesemua loji siap dibina (Izani Husin 2024).

Namun, usaha tersebut masih tidak dapat menangkis persepsi kegagalan pentadbiran PAS di negeri Kelantan kerana mereka sudah mentadbir negeri tersebut dalam tempoh yang sudah melebihi dua dekad. PK1, PK2 dan PK7 merupakan mahasiswa yang berasal daripada luar Kelantan justeru menunjukkan usaha penerangan kerajaan negeri dalam mengatasi isu bekalan air bersih tidak sampai kepada masyarakat di luar negeri tersebut.

Secara keseluruhan, reputasi pentadbiran PAS memperlihatkan dua sisi yang berbeza. Kejayaan ekonomi di Kedah, pemerkasaan kebajikan dan ketelusan pentadbiran di Terengganu menunjukkan kemampuan PAS mentadbir dengan baik. Namun, kelemahan dalam menyelesaikan isu-isu asas seperti bekalan air bersih di Kelantan menimbulkan persepsi negatif terhadap pentadbiran mereka. Oleh itu, PAS perlu memberi fokus menyelesaikan isu-isu kritikal bagi mengukuhkan reputasi mereka pada peringkat nasional.

## MENGURANGKAN KUTIPAN CUKAI

Hasil FGD menunjukkan bahawa sebahagian mahasiswa bukan Islam beranggapan pendekatan pentadbiran kerajaan negeri di bawah PAS mempunyai implikasi terhadap pembangunan ekonomi melibatkan pengurangan kutipan cukai. Persepsi tersebut dikaitkan dengan pelaksanaan dasar yang menyekat industri arak (PK5 dan PK6) serta perjudian di negeri Kedah (PK7).

PK5 dan PK6 menyatakan tindakan kerajaan negeri Kedah menghalang jualan arak merugikan ekonomi negara sebagaimana berikut:

> Bagi saya untuk menarik pelancong itu memang satu perkara yang patut sebab semalam saya lihat kepada itu... baru persidangan parlimen semalam dan Timbalan Menteri Pelancongan (merujuk kepada kenyataan Timbalan Menteri Pelancongan, Khairul Firdaus Akbar Khan, 24 Jun 2024) menyokong kerajaan PAS di Kedah yang menyekat minuman alcohol ini.
>
> (PK5; lelaki; 21 tahun; 2024)

> Malaysia dia punya alcohol tax higher globally which means sebenarnya kalau kita ada penjualan arak terhadap non-Muslim, dia menjana pendapatan kerana dia memang tax sangat tinggi.
>
> (PK6; perempuan; 22 tahun; 2024)

Duti eksais ke atas produk arak di Malaysia antara yang tertinggi di dunia selepas Norway dan Singapura. Malaysia juga mempunyai populasi pengguna alkohol ke-10 terbesar di dunia dengan perbelanjaan dianggarkan sebanyak RM2 bilion setiap tahun untuk minuman beralkohol (Movendi International 2016). Sebotol bir dengan isipadu 750 mℓ dengan kekuatan alkohol 6% dikenakan duti eksais sebanyak RM 7.88 (MyExcise 2025). Kerajaan pusat pada tahun 2010 hingga 2021 umpamanya mencatatkan kutipan RM20.11 bilion duti eksais ke atas produk arak (Aimi Zulhazmi 2023). Perkara ini mendorong peserta kajian beranggapan tindakan kerajaan negeri Kedah menghalang jualan arak telah mengurangkan pendapatan negara serta mengurangkan tarikan pelancong ke negara ini.

Menteri Besar Kedah, Muhammad Sanusi menjelaskan bahawa pentadbiran beliau tidak menarik lesen jualan arak, sebaliknya hanya mengehadkan lesen jualan arak untuk dijual di kawasan majoriti penduduk bukan Islam dan tidak boleh dijual serta diminum secara terbuka (Farah 2023). Arak juga masih dijual secara bebas cukai di Langkawi untuk pelancong bukan beragama Islam (Fahmy A Rosli 2023). Langkah mengehadkan jualan arak secara terbuka juga dilaksanakan PAS di Kelantan, Terengganu (Nik Suhaida 2023) dan Perlis (Nor Nazlina 2021). Ini menunjukkan arak masih boleh dijual di negeri-negeri yang ditadbir oleh PAS dengan syarat-syarat tertentu. Jelaslah, terdapat kekeliruan dalam kalangan peserta kajian mengenai tindakan kerajaan negeri Kedah kerana sekatan yang dikenakan bukanlah satu bentuk larangan total, sebaliknya satu usaha mengawal penjualan arak agar tidak melampaui batas norma masyarakat setempat khususnya di kawasan majoriti muslim.

Seterusnya, PK7 menjelaskan penutupan pusat judi dengan menghalang lesen judi diperbaharui menjejaskan pendapatan ekonomi negara sebagaimana berikut:

> Dan dasar-dasar seperti sekarang mereka mengungkit pasal judi, toto dan satu lagi kuda tu. Yang ni, bukan saya nak cakap benda ni baik, tapi kita boleh lihat kat Genting.. dia sebenarnya menjana pendapatan. Mereka menarik banyak pelancong. Kalau kita tutup perjudian seluruhnya, saya rasa benda ini tak begitu baik kerana pertama sekali, kita kurangkan dapatan dari segi ini pelancongan. Yang kedua, kalau tak ada saluran yang sah untuk perjudian, mereka akan buat perjudian di belakang. Jadi, ia akan tertutup waktu itu. Kalau kita nak tangkap mereka sangat sukar.
>
> (PK7; perempuan; 21 tahun; 2024)

PK7 mengakui perjudian membawa kesan negatif dalam masyarakat namun menegaskan sumbangan industri ini terhadap ekonomi tidak boleh diketepikan. Sebagai contoh, Genting Highlands bukan sahaja menjadi pusat perjudian tetapi juga pusat tarikan pelancong terutamanya dalam kalangan bukan Islam. Justeru, PK7 berpandangan penutupan pusat perjudian dikhuatiri akan mengurangkan pendapatan daripada sektor pelancongan serta membuka ruang kepada pertumbuhan perjudian tidak sah yang lebih sukar dikawal oleh pihak berkuasa.

Menurut Aimi Zulhazmi (2023), cukai perjudian menyumbang kira-kira RM80 juta seminggu kepada kerajaan pusat dengan cukai cabutan khas RM113.29 juta pada 2019 dan RM72.53 juta pada 2020. Di samping itu, Kasino dan syarikat perjudian utama, iaitu Genting dan Gen Malaysia membayar RM1.18 bilion cukai korporat untuk sembilan bulan pertama 2022. Tambah beliau, pertaruhan nombor ramalan Magnum dan Sports Toto pula membayar cukai pendapatan sebanyak RM49.99 juta. Angka-angka ini jelas menunjukkan bahawa sektor perjudian memainkan peranan penting dalam menambah pendapatan negara.

Kerajaan negeri Kedah pada 14 November 2021 telah memutuskan untuk melarang sebanyak 45 kedai loteri 4D, iaitu 20 cawangan Sports Toto, 13 cawangan Magnum dan 12 cawangan Da Ma Cai beroperasi di seluruh negeri Kedah pada tahun 2023 (Sahanah Kathirvelu & Mohamad Rizal 2024). Menteri Besar Kedah, Muhammad Sanusi menjelaskan keputusan tidak memperbaharui lesen judi di Kedah pada 2023 bukanlah keputusan yang drastik kerana telah diputuskan sejak November 2021 bagi memberi ruang kepada pemilik-pemilik premis berkenaan mengalih arah perniagaan masing-masing setelah lesen ditamatkan. Menurut beliau, hasil kutipan cukai daripada premis judi di negeri Kedah pada tahun 2021 hanyalah sekitar RM400 ribu sekaligus menafikan negeri tersebut akan mengalami kerugian apabila berlaku penutupan premis berkenaan (Farah 2023).

Hal ini disebabkan negeri Kedah masih memperolehi keuntungan dalam sektor lain seperti sektor pelaburan memandangkan hasil cukai perjudian sekitar RM400 ribu setahun sahaja, suatu jumlah yang relatif kecil dalam konteks ekonomi negeri. Menyentuh risiko kewujudan perjudian

atas talian, Muhammad Sanusi menjelaskan kewujudan aktiviti tersebut tidak berada di bawah bidang kuasa kerajaan negeri, sebaliknya di bawah tanggungjawab dan pantauan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) (Abd Hadi 2023). Langkah menutup premis judi turut dijalankan oleh PAS di negeri Kelantan, Terengganu (Sahanah Kathirvelu & Mohamad Rizal 2021) dan Perlis (Afiezy Azaman 2024).

Dapatan kajian menunjukkan bahawa sebahagian mahasiswa bukan Islam beranggapan dasar kawalan arak dan penutupan premis judi oleh negeri-negeri di bawah pentadbiran PAS sebagai faktor yang boleh menjejaskan ekonomi melalui pengurangan hasil cukai dan tarikan pelancongan. Namun, analisis terhadap pelaksanaan dasar dan data ekonomi menunjukkan persepsi tersebut tidak sepenuhnya bertepatan dengan realiti kerana dasar yang dilaksanakan lebih bersifat kawal selia, bukannya larangan menyeluruh, manakala sumbangan sektor tersebut terhadap ekonomi negeri-negeri tersebut bukan merupakan faktor dominan.

## SEKATAN TERHADAP KEBEBASAN SOSIAL

Pendekatan pentadbiran kerajaan negeri di bawah PAS memberi kesan kepada kebebasan sosial terutamanya dalam kalangan masyarakat bukan Islam. Hal ini diketengahkan oleh PK5 berfokus kepada isu penutupan panggung wayang di negeri Kelantan.

> Maybe kalau you rasa nak asingkan jantina pun dia tak semestinya kau kena haramkan cinema tu secara langsung. Maksudnya kenapa orang cop PAS sebagai terlalu ekstrem sebab dia nampak dekat cinema ni, "kalau buat Cinema ada lelaki dan perempuan akan buat benda bukan dalam cinema, tu i (PAS) haramkan cinema terus". Kenapa orang cop dia ekstrim sebab memang polisi yang dilaksanakan tu kalau terlalu definite orang tu akan rasa memang tak bersesuaian dengan cabaran yang dihadapi sekarang.
>
> (PK5; lelaki; 21 tahun; 2024)

Pendekatan pentadbiran kerajaan negeri di bawah PAS dianggap terlalu rigid dalam menangani isu-isu sosial sehingga mencetuskan label "ekstrem" dalam kalangan masyarakat terhadap parti tersebut. Sebagai contoh, penutupan panggung wayang di negeri Kelantan semasa pentadbiran PAS. Persepsi ini menggambarkan cabaran kerajaan negeri di bawah PAS dalam mengimbangi prinsip pentadbiran berteraskan Islam dengan keperluan dan sensitiviti masyarakat majmuk berbilang agama dan kaum di Malaysia (Muhammad Faisal, Nor Syuhada & Zulkefli Aini 2020). Niat PAS adalah untuk menegakkan dasar yang selari dengan nilai Islam, namun pendekatan yang terlalu ketat tanpa mekanisme kompromi berpotensi menimbulkan ketidakpuasan hati dalam kalangan bukan Islam yang merasakan kebebasan sosial mereka semakin diganggu (Muhamad Helmy, Amalin Sabiha & Khairul Azman 2020).

Bagi menangkis persepsi rigid atau ekstrem, PAS merangka beberapa garis panduan. Antaranya Budaya Politik Matang Sejahtera (BPMS) yang menekankan pendekatan atau budaya berpolitik PAS yang berteraskan prinsip Islam, kebenaran, kedamaian dan kebajikan rakyat. Budaya ini digagaskan bagi mengubah landskap politik konvensional yang sering kali berorientasikan konfrontasi, manipulasi persepsi serta kepentingan peribadi atau kelompok tertentu (PAS 2016). Melalui pendekatan ini, PAS berusaha menampilkan budaya politik yang lebih sederhana, inklusif dan berteraskan dialog, sekali gus mengurangkan persepsi negatif terhadap parti tersebut, khususnya dalam kalangan masyarakat bukan Islam.

Kerajaan negeri yang ditadbir oleh PAS yang tidak mempunyai panggung wayang ialah Kelantan. Penutupan panggung wayang di sana ekoran kerajaan negeri memperkenalkan Enakmen Kawalan Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan pada tahun 1998 sebagai usaha mengekang penularan gejala sosial (Dewan Undangan Negeri Kelantan 1998). Ketika itu, panggung wayang masih beroperasi namun dengan dikenakan syarat dan garis panduan ketat yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Antaranya pengasingan tempat duduk mengikut jantina dan larangan tayangan pada waktu solat (Aswany Omar 2024). Syarat yang dikenakan menyebabkan semua panggung wayang semakin kurang mendapat sambutan masyarakat dan akhirnya terpaksa ditutup kerana tidak mendatangkan keuntungan kepada pemiliknya (Nor Fazlina 2019). Perkara ini mungkin menyebabkan PK5 menganggap syarat-syarat yang dikenakan sebagai langkah PAS mengharamkan panggung wayang di negeri tersebut.

Dapatan ini menunjukkan persepsi sekatan sosial oleh PAS berpunca daripada pelaksanaan polisi Islam yang dianggap terlalu ketat, bukanlah semata-mata kerana sekatan terhadap aktiviti hiburan seperti panggung wayang. Persepsi ini tertumpu di negeri Kelantan, memandangkan kemudahan panggung wayang masih beroperasi di negeri-negeri SG4 yang lain. Keadaan ini mencerminkan cabaran PAS di Kelantan dalam menyeimbangkan prinsip pentadbiran Islam dengan keperluan masyarakat majmuk. Oleh itu, mekanisme kompromi perlu dipertimbangkan bagi memastikan dasar yang diperkenalkan tidak hanya mencerminkan prinsip Islam tetapi juga relevan dalam konteks sosiobudaya di Malaysia.

## KERELEVANAN DALAM MASYARAKAT MAJMUK

Kajian mendapati wujud beberapa persepsi terhadap kerelevanan pentadbiran PAS dalam konteks masyarakat majmuk. PK1 dan PK3 menyatakan PAS releven di negeri majoriti penduduk yang beragama Islam, manakala PK7 dan PK8 menyatakan sebaliknya kerana beranggapan dasar Islamisasi PAS mencanggahi norma kehidupan masyarakat bukan Islam.

PK1 dan PK3 menyatakan:

> Kadang non-muslim ni dia bukan tidak menerima PAS. Dia takut. Kadang-kadang terlalu banyak isu-isu yang semua ni tak boleh, ini tak boleh. So kenapa mereka non-muslim ni... mereka bukan yang ada rule sangat. Agama mereka bukan terlalu sekat, jangan buat ni, jangan buat tu. Bila PAS yang larang mereka... mereka rasa macam tak selamat. Sama juga macam hudud. Padahal kita nak laksanakan Hudud tu ataupun RUU 355 tu untuk orang Islam sahaja. Tapi apa kena mengena dengan mereka, mereka sendiri takut pula.
>
> (PK1; lelaki; 24 tahun; 2024)

> Sekarang kalau mengikut keadaan politik semasa, apa yang saya nampak mereka masih relevan seperti mana kita lihat di Terengganu sendiri yang mana PAS memang mendominasi. Dan kita tahu ramai ada juga Cina dan India dan mereka pilih juga parti PAS untuk menjadi pemimpin sebab ada yang ahli-ahli teknokrat yang bijak pandai.
>
> (PK3; lelaki; 21 tahun; 2024)

Menurut PK1, PAS dianggap tidak relevan mentadbir negeri yang didiami oleh masyarakat majmuk kerana pendekatan politik PAS yang menekankan dasar Islamisasi di negeri-negeri yang ditadbir dianggap tidak sesuai untuk masyarakat pelbagai agama dan budaya di negara ini. Antaranya, Hudud dan RUU355 yang bertujuan untuk memperkasakan undang-undang syariah

menimbukan persepsi bahawa PAS sebuah parti yang ekstrem sedangkan perkara tersebut hanya terpakai kepada umat Islam sahaja.

Meskipun begitu, persepsi ini menjurus kepada negeri-negeri yang komposisi penduduk bukan Islam hampir ataupun seimbang dengan penduduk beragama Islam. Perkara ini sebagaimana pandangan PK3 bahawa dominasi PAS di Terengganu membuktikan masyarakat Cina dan India di sana memberikan sokongan kepada PAS kerana yakin dengan pentadbiran ahli-ahli teknokrat PAS. Ini menunjukkan tahap penerimaan terhadap PAS bergantung kepada komposisi penduduk, di mana negeri dengan populasi bukan Islam yang kecil lebih mudah menerima pentadbiran PAS seperti di Pantai Timur berbeza dengan negeri-negeri di Pantai Barat (Junaidi, Nur Ellyanis & Muhammad Hazim 2020).

Kebimbangan masyarakat bukan Islam terserlah menerusi kritikan PK7 dan PK8 di atas tindakan PAS yang dianggap memaksakan undang-undang Islam terhadap bukan Islam.

> Waktu Nik Aziz dalam berinteraksi dengan non-muslim, mereka lebih bertoleransi. Tetapi sekarang kerana PAS memang berpropaganda untuk Islam, ia menyebabkan segala-galanya diislam sepenuhnya. Kadang-kadang seperti yang dikatakan sebelum ini, mereka ingin melaksanakan pemakaian atas non-muslim seperti itu. Ia menurunkan reputasi kerana.. dan melibatkan hukum hudud ataupun syariah dalam non-muslim. Jadi ia memang akan terjejas persepsi kita terhadap PAS...
>
> (PK7; perempuan; 21 tahun; 2024)

> Saya tidak dapat menafikan PAS ada yang pemimpin yang baik dan ada yang buatkan kita masyarakat lebih kenal kepada Islam. Tapi ada je yang... kenapa kita ada image buruk kepada PAS especially for non-Muslim sebab some of the pemimpin of PAS mereka cuba menekankan... bagi tekanan kepada non-muslim dengan undang-undang Islam mereka. Dan mungkin orang yang non-muslim mereka rasa terancam. Dan takut mungkin mereka punya hak.. akan kehilangan hak mereka sebagai seorang non-muslim. Dan saya rasa itu merupakan faktor yang utama kenapa non-muslim mempunyai imej buruk kepada parti politik tersebut.
>
> (PK8; perempuan; 23 tahun; 2024)

Menurut PK7, PAS semasa era pemerintahan Nik Abdul Aziz lebih bertoleransi terhadap masyarakat non-muslim, berbeza dengan pendekatan PAS sekarang yang dilihat lebih keras dalam konteks pelaksanaan undang-undang terhadap bukan Islam seperti pemaksaan kod pakaian menutup aurat. Ketokohan Nik Abdul Aziz berjaya mengukuhkan kuasa di Kelantan dipengaruhi oleh kejayaan beliau melakukan reformasi dalam pentadbiran termasuklah melibatkan hal ehwal masyarakat bukan Islam (Muhammad Hanif & Amnah Saayah 2022). PK8 menjelaskan sebahagian pemimpin PAS cuba menekankan undang-undang Islam terhadap masyarakat bukan Islam yang menyebabkan golongan tersebut merasa kehilangan hak yang sepatutnya dinikmati. Kedua peserta menjelaskan tindakan ini menyebabkan PAS diselubungi imej negatif dalam kalangan bukan Islam.

Seorang peniaga wanita bukan Islam umpamanya dikenakan kompaun RM50 oleh Majlis Perbandaran Kota Bharu-Bandar Raya Islam (MPKB-BRI) selepas didapati memakai pakaian tidak sopan ketika berada di premis perniagaan pakaian. Menurut Yang Dipertua MPKB-BRI, Rosnazli Amin, kompoun itu selaras dengan Seksyen 34(1) Undang-undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandar Raya Islam) 2019 yang memperuntukan pemegang lesen untuk memastikan dirinya dan pekerjanya berpakaian sopan,

bersih serta kemas sepanjang menjalankan aktiviti-aktiviti tred, perniagaan atau perindustrian di negeri berkenaan (Adila Sharini 2023).

Dapatan ini memperlihatkan cabaran dihadapi PAS dalam mengimbangi antara prinsip pentadbiran Islam dan sensitiviti masyarakat bukan Islam. Dasar Islamisasi bertujuan memperkukuhkan nilai moral dan sosial, namun persepsi masyarakat bukan Islam terhadap Islamisasi bergantung kepada bagaimana dasar tersebut diterapkan. Jika PAS ingin memperkukuhkan penerimaan pengundi dalam masyarakat majmuk khususnya di negeri-negeri di Pantai Barat bahkan di Sabah dan Sarawak, ia perlu mengambil pendekatan yang lebih inklusif dengan memastikan dasar yang diperkenalkan tidak menimbulkan kebimbangan kepada masyarakat bukan Islam (Latifah & Abdul Muein 2025).

## KESIMPULAN

Penerimaan mahasiswa terhadap prestasi pentadbiran kerajaan negeri di bawah PAS memperlihatkan reputasi yang baik di negeri Kedah dan Terengganu. Namun berbeza di negeri Kelantan yang dianggap tidak kompetan kerana masih tidak dapat menangani isu kritikal secara berkesan. Dari sudut ekonomi dan sosial, dasar PAS di negeri-negeri yang ditadbir mereka terhadap isu arak dan judi dilihat selari dengan konteks masyarakat Muslim yang merupakan masyarakat majoriti di negeri-negeri tersebut, namun pada masa yang sama perlu mengambil kira segmen masyarakat minoriti dalam kerangka masyarakat majmuk. Hal ini disebabkan pelaksanaan dasar Islamisasi PAS dalam konteks masyarakat majmuk sering disalah tafsir sebagai menyekat kebebasan sosial dan memaksa masyarakat bukan Islam menerima dasar-dasar yang diperkenalkan. Situasi ini menunjukkan wujud cabaran yang perlu ditangani oleh kerajaan negeri di bawah pentadbiran PAS dalam membentuk kefahaman terhadap sesuatu dasar kepada masyarakat, termasuk golongan muda seperti mahasiswa. Justeru, PAS perlu memperkukuhkan strategi hubungan dan komunikasi terhadap mahasiswa khususnya yang berada di negeri-negeri yang tidak ditadbir oleh parti tersebut bagi memastikan penerimaan yang lebih baik terhadap pentadbiran mereka.

## PENGHARGAAN

*Makalah ini merupakan sebahagian hasil penyelidikan di bawah geran UKM SK-2024-021 "Persepsi Golongan Profesional Muslim dan Bukan Muslim dalam isu Islam dan Politik" dan PP-2024-012 "Persespsi Golongan Profesional Muslim dan Bukan Muslim terhadap isu Kepimpinan Ulama di Malaysia" yang dibiayai oleh Future Research Sdn. Bhd.*

## RUJUKAN

Abdul Hadi. 2003. *Negara Islam*. Kuala Lumpur: Parti Islam Se-Malaysia (PAS).

Ahmad Sunawari Long. 2014. *Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam. Bangi*: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Ahmad Hidayah & Che Rohaizan. 2017. Persepsi Dan Penerimaan Mahasiswa Terhadap Fatwa Negeri Selangor. *Journal of Fatwa Management and Research*, 9: 129-147. https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol9no1.44

Azmil Tayed. 2022. *Explaining PAS's Dominance In Kelantan*. Singapore: ISEAS – Yusof Ishak Institute.

Abd Hadi. 2023. Premis judi: 'Kalau dapat RM400 juta sekalipun, saya akan tutup juga' - Sanusi. https://www.astroawani.com/berita-malaysia/premis-judi-kalau-dapat-rm400- juta-sekalipun-saya-akan-tutup-juga-sanusi-400227 (akses pada 27 Mac 2025).

Aimi Zulhazmi. 2023. Kadar cukai 'dosa' mungkin dinaikkan. https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2023/01/1046984/kadar-cukai-dosa-mungkin-dinaikkan (akses pada 26 Mac 2025).

Adila Sharini. 2023. Wanita bukan Islam berpakaian tidak sopan dikompaun. https://www.sinarharian.com.my/article/265420/edisi/kelantan/wanita-bukan-islam-berpakaian-tidak-sopan-dikompaun (akses pada 26 Mac 2025).

Afiezy Azaman. 2024. Perlis tutup premis judi terakhir. https://www.astroawani.com/berita-malaysia/perlis-tutup-premis-judi-terakhir-461384 (akses pada 26 Mac 2025).

Aswany Omar. 2024. Kelantan perhalusi syarat sedia ada buka pawagam https://www.sinarharian.com.my/article/694398/edisi/kelantan/kelantan-perhalusi-syarat-sedia-ada-buka-pawagam#google_vignette (akses pada 26 Mac 2025)

Braun, V. & Clarke, V. 2006. Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3 (2): 77-101. https://doi.org/10.1191/1478088706qp063oa

David L. Morgan. 1996. Focus Groups. *Annual Review of Sociology*. 22: 129–52

Dewan Undangan Negeri Kelantan. 1998. Enakmen Kawalan Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan pada tahun 1998.

Farah Farhana & Junaidi Awang Besar. 2021. Perubahan Politik Negeri Terengganu: Kajian Kes di Kawasan DUN Bukit Besi, Dungun, Terengganu. *Jurnal Wacana Sarjana*, 5(2): 1-16.

Fahmy A Rosli. 2023. PAS tak haram arak di Langkawi. https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/07/1125429/pas-tak-haram-arak-di-langkawi (akses pada 26 Mac 2025).

Farah. 2023. Tidak Perbaharui Lesen Judi, Bukan Keputusan Drastik. https://www.upda.my/2023/01/tidak-perbaharui-lesen-judi-bukan.html (akses pada 26 Mac 2025).

Farah. 2024. Kedah Sumbang RM45.8 Bilion Dalam Pelaburan Negara. https://www.upda.my/2025/02/kedah-sumbang-rm458-bilion-dalam.html (akses pada 25 Mac 2025)

Ilyas Abdullah. 2022. Politik Pembangunan Di Terengganu (1999-2013). *Journal of Administrative Science*, 19(1):340-352.

Izani Husin. 2024. Masalah air di Kelantan selesai menjelang 2028. https://www.astroawani.com/berita-malaysia/masalah-air-di-kelantan-selesai-menjelang-2028-497692 (akses pada 25 Mac 2025).

Junaidi Awang, Nur Ellyanis & Muhammad Hazim. 2020. Prestasi Dan Penerimaan Pengundi Terhadap Parti Islam Semalaysia (PAS) Dalam Pilihan Raya Umum Ke-14 Di Wilayah Pantai Barat Semenanjung Malaysia. *e-Bangi: Jurnal of Social Sciences and Humanities*, 17(4): 60-77.

Latifah Abdul Majib & Abdul Muein Abadi. 2025. *Dinamika Kebangkitan dan Kejatuhan Kerajaan Pimpinan Parti Politik Islam Dunia*. Cyberjaya: The Future Research.

Movendi International. 2016. Malaysia: Alcohol Tax Set To Increase. https://movendi.ngo/news/2016/03/03/malaysia-alcohol-tax-set-to-increase/ (akses pada 25 Mac 2025).

Muhamad Nadzri Mohamed Noor. 2020. Pilihan Raya dan Politik Malaysia Pasca PRU 2018: Persaingan, Dinamik dan Implikasi. *Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 47(1): 150-175.

Muhammad Faisal, Nor Syuhada & Zulkefli Aini. 2020. Hubungan PAS dengan Non-Muslim dalam Persaingan Politik di Malaysia 1951-2020. *Al-Hikmah*, 12(2): 93-114.

Mohd Fadli. 2020. PAS paling banyak buat kerjasama politik https://harakahdaily.net/index.php/2020/08/24/pas-paling-banyak-buat-kerjasama-politik/ (akses pada 25 Februari 2025).

Muhamad Helmy, Amalin Sabiha & Khairul Azman. 2020. Dasar Islamisasi Politik UMNO-PAS Di Malaysia. Dalm. *Matlamat tidak menghalalkan cara: Integriti*, hlm. 48-61. Parit Raja: Penerbit UTHM.

Muhammad Hanif & Amnah Saayah. 2022. Ketokohan Tuan Guru Dato' Bentara Setia Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat dalam mentadbir negeri Kelantan. Kertas kerja 14th International Conference on Humanities and Social Sciences. Anjuran Persidangan antarabangsa kemanusiaan dan sains sosial (ICHiSS), Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, 19-20 Mei.

Mujahidul Amin. 2022. Negara Islam gagasan PAS berdasarkan Dokumen Negara Islam 2003: Satu penelitian. Tesis Sarjana, Universiti Malaysia Pahang.

Mazli Mamat et al. 2023. Budaya Politik dalam Kalangan Pengundi Luar Kelantan di Lembah Klang Pasca PRU ke-14. *Akademika*, 93(3): 53-67 https://doi.org/10.17576/akad- 2023-9303-05

Muhamad Helmy Sabtu, Nurul Aimi Razali, Harliana Halim, Khairol Anuar Kamri & Suswanto Ismadi Megah S. 2024. Impak Kerjasama Politik Terhadap Pencapaian Parti Islam Se-Malaysia (PAS) di Negeri Johor: 2008-2018. *Journal of Techno-Social*, 16(2): 58-67. https://doi.org/10.30880/jts.2024.16.02.006

Musaiyadah Ahmadun & Siti Arni Basir. 2024. Cabaran Pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti Berasaskan Syariah Di Pusat Kutipan Zakat Pahang: Satu Kajian Kes. *Global Journal Al-Thaqafah*, 95–107. https://doi.org/10.7187/GJATSI062022-10

MySPR Semak. 2025. Semakan keputusan Pilihan Raya. https://mysprsemak.spr.gov.my/semakan/keputusan/pru (akses pada 24 Mac 2025).

MyExcise (2025). Pengenalan Minuman Keras. https://myexcise.customs.gov.my/myexcise/services/minuman-keras/ (akses pada 25 Mac 2025).

Md. Saiful Alam, Adelina Asmawi and Sayeda Fatema. 2025. Focus Group Discussions (FGDs) for Qualitative and Mixed-Method Approaches: Principles, Applications, and Key Considerations. *Integrated Journal for Research in Arts and Humanities*, 5(4): 51-56. https://doi.org/10.55544/ijrah.5.4.8

Norhayati. 2008. Pilihan Raya Umum ke-12 (PRU-12): "Tsunami" Politik Melayu? *Jebat*: *Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 35:49-64.

Nor Fazlina .2019. Tiga dekad tiada pawagam di Kelantan https://www.bharian.com.my/kolumnis/2019/04/548659/tiga-dekad-tiada-pawagam-di-kelantan (akses pada 26 Mac 2025).

Norshamliza Chamhuri, Tuan Muhamad Shafiq Che Wan Ngah, Mohd Akmal Fauzan Mohd Kamil, Nur Farah Syahiera Jaharudin & Naszrul Nizam Muhamad Radhi. 2019. Tahap Pengetahuan dan Impak Kegiatan Politik Kampus Kepada Kehidupan Mahasiswa Era Malaysia Baharu. *Jurnal Personalia Pelajar*, 22(2): 129-136.

Nor Nazlina. 2021. Perlis digesa ikut jejak Kedah haramkan kedai nombor ekor, arak. https://www.utusan.com.my/terkini/2021/12/perlis-digesa-ikut-jejak-kedah-haramkan-kedai-nombor-ekor-arak/ (akses pada 27 Mac 2025).

Nik Suhaida. 2023. Pendekatan Dakwah Melalui Undang-Undang:Pengalaman Negeri Kelantan Dalam Pemerkasaan Kawalan Penjualan Arak (Liquor). *Journal of Islamic Social Sciences and Humanities*, 29: 84-107. https://doi.org/10.33102/abqari.vol29no1.535

Nischal Ranjinth & Alissa Marianne 2024. *Malaysia's Open Budget Index 2024*. Kuala Lumpur: IDEAS Policy Research Berhad.

PAS. 2016. Buku Muktamar 2016. https://pas.org.my/wp-content/uploads/2022/11/7-Ciri-BPMS.pdf (akses pada 6 Julai 2026).

Rashidi et al.. 2014. Pelaksanaan Analisis Kandungan Sebagai Metodologi Kajian bagi Mengenalpasti Kriteria Pembinaan Lestari. *Journal of Advanced Research Design*, 1(1): 18-27.

Siti Ruzana et al.. 2020. Perkembangan Gerakan Islam - PAS di Kelantan 1957-2000. E- *Bangi: Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 17(4): 40-59.

Siti Aisyah et al.. 2022. Peranan Parti Politik Dalam Membina Kesejahteraan Masyarakat-Satu Kajian Literatur. *International Journal Of Law, Government And Communication (IJLGC)*, 7(29): 477-491.

Sri Murniati, Alissa Marianne & Muhammad Arieff. 2022. *Key Findings Of Malaysia's Open Budget Index: Myobi 2022*. Kuala Lumpur: IDEAS Policy Research Berhad.

Saiyid Radzuwan. 2021. Pakatan Harapan dan Senario Politik Kelantan: Analisis Pengajaran Politik Pasca PRU 14 (2018-2020). *E-Jurnal Penyelidikan Dan Inovasi*, 8(1): 25-5. https://doi.org/10.53840/ejpi.v8i1

Saiyid Radzuwan. 2022. PAS Dan Transformasi Politik: Kesesuaian Sebagai Pembangkang Atau Pemerintah. *Asian People Journal 2022*, 5(1), 129-143. https://doi.org/10.37231/apj.2022.5.1.314

Sahanah Kathirvelu & Mohamad Rizal. 2024. Analisa terhadap undang-undang perjudian dalam talian di Malaysia. *UUM Journal of Legal Studies*, 15(1), 329-360. https://doi.org/10.32890/uumjls2024.15.1.14

Sirwan Khalid Ahmed. 2025. Sample size for saturation in qualitative research: Debates, definitions, and strategies. *Journal of Medicine, Surgery, and Public Health*, 5 (2025): 1-6. https://doi.org/10.1016/j.glmedi.2024.100171

TRDI. 2023. Pelaksanaan Manifesto Terengganu (PRU14). https://www.trdi.my/post/kat/13/Magazine/# (akses pada 24 Mac 2025)

Zaireeni Azm. 2020. PAS: Permuafakatan politik sebagai tapak integrasi dan peranan wanita. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 47(3): 428-462.

Zulsyazrina Jusoh & Junaidi Awang. 2023. Gelagat Pengundi Dalam Pilihan Raya Negeri Di Kawasan DUN ApamPutra, Rantau Panjang, Kelantan. *Jurnal Wacana Sarjana*, 8(5): 1-15.

Zarrah Morden, Hariz Mohamad & Ili Aqilah. 2024. Timb. menteri mahu Langkawi jadi destinasi Muslim. https://www.malaysiakini.com/news/709615 (akses pada 5 Julai 2026).

PENULIS:

Abdul Muein Abadi
Pusat Kajian Sejarah, Politik & Hal Ehwal Antarabangsa
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
UKM Bangi, Selangor, Malaysia
Emel: muein@ukm.edu.my

Haziyah Hussin
Pusat Kajian al-Quran dan al-Sunnah
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia
UKM Bangi, Selangor, Malaysia
Emel: haziyah@ukm.edu.my

Mazlan Ibrahim
Fakulti Usuluddin dan Al-Quran & Sunnah (FUQS)
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS)
Kota Bharu, Kelantan, Malaysia
Emel: mibrahim@kias.edu.my

Muhamad Alihanafiah Norasid
Jabatan al-Quran dan Al-Hadith
Akademi Pengajian Islam
Universiti Malaya
Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
Emel: imtiaz_alhuffaz@um.edu.my

Muhammad Khairi Abdul Azib (Penulis Koresponden)
Pusat Kajian al-Quran dan al-Sunnah
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia
UKM Bangi, Selangor, Malaysia
Emel: p145132@siswa.ukm.edu.my